

## PERATURAN PENGGUNAAN IPAD

### JUSTIFIKASI PENGGUNAAN IPAD

1. Sejalan dengan pelaksanaan konsep Smart School yang telah diperkenalkan oleh MARA.
2. Menambah keberkesanan dan kualiti pengajaran dan pembelajaran di MRSM.
3. Memanfaatkan kecanggihan teknologi terkini secara berkesan.

### PERLAKSANAAN STANDARD OPERATING PROCEDURES (S.O.P) PENGGUNAAN IPAD

1. Penggunaan iPad hendaklah didaftarkan melalui unit ICT MRSM Taiping, Perak.
2. Pelajar perlu menandatangani Aku Janji Pematuhan Syarat Penggunaan iPad semasa pendaftaran dibuat.

### SYARAT PENGGUNAAN

1. Pelajar hanya dibenarkan mendaftar/membawa/menggunakan **SEBUAH IPAD** sahaja.
2. Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali membuat penyambungan wayar secara haram pada alat kelengkapan elektrik untuk tujuan mengecas iPad.
3. Pelajar dilarang menggunakan iPad untuk tujuan:
  - 3.1. Bermain game, melayari laman web yang tidak dibenarkan.
  - 3.2. Membuat rakaman video atau gambar tanpa kebenaran guru.
  - 3.3. Memuat naik status, gambar, video dan apa-apa sahaja bahan yang boleh mencemarkan imej individu, maktab atau MARA di media sosial.
4. Masa penggunaan adalah seperti berikut:

HARI	PROGRAM/MASA
Isnin - Sabtu	Waktu akademik* (7.30 pg - 10.30 mlm)
Ahad	Selepas selesai Program Asrama sehingga 10:30 mlm
Cuti Umum	Dibenarkan sekiranya tiada program rasmi* (7:30 pg – 10:30 mlm)

*\*Tertakluk kepada masa program berakhir*

5. Penggunaan iPad adalah tanggungjawab pihak pelajar sendiri. Pihak maktab **TIDAK** akan bertanggungjawab ke atas apa-apa jua kerosakan, kehilangan atau akibat daripada penggunaan tersebut.

6. Pihak maktab **TIDAK** akan bertanggungjawab, menanggung kos atau terbeban atas apa jua jenis kemalangan atau musibah akibat daripada penggunaan iPad oleh pihak pelajar.
7. Pihak maktab **BERHAK** untuk mengambil iPad pelajar bagi tujuan pemeriksaan tanpa perlu kebenaran atau dimaklumkan atau sebaliknya kepada pemiliknya pada bila-bila masa atau tempat yang difikirkan perlu.
8. Pihak maktab berkuasa/berhak/boleh mengambil tindakan bagi penggunaan iPad yang difikirkan **TIDAK BERMORAL** atau **MELANGGAR SYARAT** dan peraturan penggunaan iPad. Antaranya:
  - 8.1. Menandungi unsur-unsur lucah atau tidak bermoral sama ada dalam bentuk teks/gambar/video/audio.
  - 8.2. Mengandungi unsur-unsur mencaci/memalukan/menjatuhkan/mengugut/mengancam keselamatan maktab, pihak pengurusan, guru-guru dan kakitangan.
  - 8.3. Merancang pencerobohan kawasan larangan, perjumpaan di antara berlainan jantina atau perancangan untuk mencuri, memukul, bergaduh, mengugut dan seumpamanya.
  - 8.4. Menyalin, menyimpan atau menyebarkan gambar orang yang berlainan jantina atau gambar sendiri yang tidak menutup aurat/menjolok mata/berkelakuan tidak senonoh dan tidak sopan.
9. Pemilik iPad adalah **TERTAKLUK** kepada sebarang perubahan peraturan penggunaan dari masa ke masa.
10. Penggubalan/penguatkuasaan peraturan-peraturan baharu adalah di bawah takluk kuasa maktab. Penggubalan/penguatkuasaan mana-mana peraturan yang difikirkan perlu boleh dilakukan **TANPA** perlu mendapatkan persetujuan atau memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak terlibat.
11. iPad yang dirampas akan dilabel, direkod dan disimpan di bawah pemantauan Pengetua/Timbangan Pengetua Pembangunan Pelajar (TPPP).
12. Pelanggaran mana-mana peraturan yang dinyatakan di atas akan mengakibatkan pelajar boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti yang tercatat di dalam Buku Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar.
13. Pemulangan hanya akan diberikan kepada pemilik asal atau ibu bapa selepas **selesai proses perbicaraan JDM** (Jemaah Disiplin Maktab) bersidan